



(FREQUENT ASK QUESTION)

SOALAN LAZIM

**KAD KOMUTER LINK EDISI KHAS**

**SEMPENA ULANG TAHUN KE-30 PERKHIDMATAN KTM KOMUTER**

**1. Apakah itu Kad Komuter Link Edisi Khas Ulang Tahun Ke 30 Perkhidmatan KTM Komuter?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** dilancarkan **sempena Ulang Tahun Ke-30** Perkhidmatan KTM Komuter. Ia adalah Kad Nilai Simpanan dengan rekabentuk eksklusif yang dikeluarkan khas untuk meraikan ulang tahun ke-30 KTM Komuter. Kad ini boleh ditambah nilai dan digunakan untuk pembayaran tambang perjalanan bagi perkhidmatan KTM Komuter.

**2. Bilakah Kad Komuter Link Edisi Khas ini dilancarkan?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** dilancarkan pada 28 Ogos 2025.

**3. Dimanakah Kad Komuter Link Edisi Khas ini boleh digunakan?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** boleh digunakan untuk perkhidmatan KTM Komuter sektor Lembah Klang dan Utara.

**4. Siapakah yang boleh membeli Kad Komuter Link Edisi Khas ini?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** ini terbuka untuk pembelian oleh semua pengguna.

**5. Dimanakah Kad Komuter Link Edisi Khas ini boleh dibeli?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** ini boleh dibeli di stesen KL Sentral dan Stesen Butterworth sahaja.

**6. Berapakah harga jualan Kad Komuter Link Edisi Khas ini?**

Kad Komuter Link **Edisi Khas** dijual pada harga **RM30.30** sekeping.

**7. Sebagai pengguna baharu Kad Komlink Edisi Khas, apakah langkah yang perlu dilakukan sebelum boleh menggunakannya?**

Langkah 1: Daftar akaun di aplikasi KTM Mobile (KITS).

Langkah 2: Pastikan Kad Komuter Link **Edisi Khas** diaktifkan oleh petugas kaunter.

Langkah 3: Tambah nilai minimum sebanyak RM5.00 ke dalam kad.

Langkah 4: Kad kini boleh digunakan untuk menaiki tren KTM Komuter.

**8. Dimanakah pendaftaran KITS boleh dibuat?**

Pendaftaran KITS boleh dibuat melalui saluran berikut:

- a) Laman sesawang rasmi KTMB ([www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my))
- b) Aplikasi KTMB Mobile (muat turun aplikasi di Play Store / Apple Store)

**9. Bolehkah pembeli mendapatkan Kad Komuter Link Edisi Khas tanpa perlu mendaftar KITS?**

Pendaftaran KITS adalah diwajibkan bagi semua pemegang kad untuk membolehkan pengaktifan dan penggunaan penuh fungsi Kad Komuter Link Edisi Khas.

**10. Apakah keistimewaan kepada pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas ini?**

Pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas ini boleh menikmati pelbagai diskaun eksklusif di kedai-kedai rakan niaga yang mengambil bahagian.

**11. Di mana pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas boleh menikmati diskaun eksklusif?**

Pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas boleh menikmati diskaun eksklusif di rangkaian kedai rakan niaga terpilih seperti di bawah:-

- a) Koppiku
- b) Coolblog
- c) Mokti's
- d) Kenny Rogers Roasters
- e) The Light Hotel Penang
- f) Premiera Hotel Kuala Lumpur
- g) Farm in The City
- h) The Bentong Farm

Nota : Senarai penuh rakan niaga akan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui laman web rasmi KTM Berhad.

**12. Apakah perbandingan antara Kad Komlink Edisi Khas dengan Kad Komlink sedia ada (jenis normal berwarna emas)?**

▪ Kad Komuter Link Edisi Terhad

Direka khas sempena ulang tahun ke-30 KTM Komuter dengan rekabentuk eksklusif serta keistimewaan tambahan iaitu diskaun eksklusif di kedai rakan niaga terpilih.

▪ Kad Komuter Link sedia ada (jenis normal berwarna emas)

Ia hanya berfungsi untuk pembayaran tambang KTM Komuter dan tidak menawarkan diskaun di kedai rakan niaga.

**13. Adakah pemegang konsesi (warga emas/OKU/pelajar) pada Kad Komuter Link sedia ada boleh menukar tetapan konsesi pada Kad Komuter Link Edisi Khas?**

Boleh. Pemegang konsesi perlu membuat pembelian Kad Komuter Link Edisi Khas terlebih dahulu dan menyerahkan Kad Komuter Link sedia ada kepada petugas kaunter untuk proses mengemaskini status konsesi pada kad sedia ada dan Kad Komuter Link Edisi Khas.

**14. Adakah pemegang Pas MyRailLife pada Kad Komuter Link sedia ada boleh menukar tetapan Pas MyRailLife pada Kad Komuter Link Edisi Khas?**

Boleh. Pemegang pas MyRailLife perlu membuat pembelian Kad Komuter Link Edisi Khas terlebih dahulu dan menyerahkan Kad Komuter Link Pas MyRailLife sedia ada kepada petugas kaunter untuk proses penetapan pas ke Kad Komuter Link Edisi Khas. Setelah proses selesai, kad lama tidak boleh digunakan.

**15. Adakah nilai baki minima RM5.00 telah termasuk dalam harga jualan Kad Komuter Link Edisi Khas ini?**

Tidak. Nilai baki minima RM5.00 tidak termasuk dalam harga jualan Kad Komuter Link Edisi Khas ini.

**16. Apakah yang akan berlaku sekiranya baki di dalam Kad Komuter Link Edisi Khas tidak mencukupi?**

Jika baki Kad Komuter Link Edisi Khas tidak mencukupi, Pintu Kawalan Automatik (ACG) tidak akan terbuka setelah kad diimbas.

**17. Dimanakah tambah nilai Kad Komuter Link Edisi Khas boleh dilakukan?**

Tambah nilai Kad Komuter Link boleh dibuat di:

- a) Kaunter tiket KTMB
- b) Mesin Kios Tiket (*Ticket Vending Machine* - TVM)

**18. Apakah tempoh luput penggunaan Kad Komuter Link Edisi Khas?**

Kad Komuter Link Edisi Khas mempunyai tempoh luput 10 tahun. Kad tidak boleh digunakan selepas 10 tahun daripada tarikh pembelian.

**19. Adakah pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas akan dikenakan caj penalti sekiranya melanggar peraturan perkhidmatan KTM Komuter?**

Ya. Pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas juga tertakluk kepada caj penalti apabila melanggar peraturan perkhidmatan KTM Komuter.

**20. Adakah pemegang Kad Komuter Link Edisi Khas layak untuk mendapatkan mata ganjaran Program Rail Rewards?**

Tidak. Pemegang Kad Komuter Link **Edisi Khas** tidak termasuk dalam Program Rail Rewards dan tidak layak untuk mengumpul mata ganjaran.

**21. Adakah Kad Komuter Link Edisi Khas boleh dipindah milik?**

Tidak. Kad Komuter Link **Edisi Khas** tidak boleh dipindah milik.

**22. Apakah yang perlu dilakukan apabila Kad Komuter Link Edisi Khas hilang dari pegangan?**

Apabila menyedari kehilangan Kad Komuter Link **Edisi Khas**, tindakan berikut perlu diambil oleh pemegang kad adalah:

- a) Hadir ke stesen perkhidmatan KTM Komuter berhampiran bagi mengisi Borang Permohonan Pemulangan Wang Tambang Komuter dan menyertakan laporan polis.
- b) Baki Kad akan dikreditkan ke akaun KTM Wallet pelanggan dan Kad Komuter Link akan disekat.
- c) Sekiranya kad hilang dijumpai, proses sekatan tidak dapat ditarik balik dan kad tidak dapat digunakan.

Nota: Hanya baki Kad Komuter Link yang didaftarkan dalam KITS sahaja dapat dipulangkan.

**23. Adakah caj akan dikenakan bagi mendapatkan semula baki dalam Kad Komuter Link Edisi Khas yang rosak atau hilang?**

Tidak, tiada caj akan dikenakan bagi mendapatkan semula baki dalam Kad Komuter Link **Edisi Khas** yang rosak atau hilang.

**24. Bagaimana pemilik Kad Komuter Link sedia ada boleh memindahkan baki ke Kad Komlink Edisi Khas?**

Pemilik kad BOLEH memindahkan baki daripada Kad Komuter Link sedia ada ke KTM Wallet. Untuk proses ini, pemilik perlu hadir ke kaunter tiket KTMB, membawa Kad Komuter Link sedia ada dan mengisi borang pemindahan baki. Setelah baki dipindahkan ke KTM Wallet, petugas kaunter akan membantu memindahkan baki tersebut ke Kad Komlink **Edisi Khas**.

**25. Dimanakah pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dan membuat pertanyaan lanjut berkaitan Kad Komuter Link Edisi Khas ini?**

Bagi mendapatkan maklumat terkini dan pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui:

- a) Akaun media sosial rasmi KTMB;
  - i. Facebook (KTM Berhad)
  - ii. X (@ktm\_berhad)
  - iii. Instagram (ktmbofficial)

- b) Laman web rasmi KTMB di [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my)
- c) Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-97791200  
(7.00 pagi – 10.00 malam)
- d) Petugas di kaunter tiket stesen KTMB

**[Tamat]**